

# Pemenang bakal bawa pulang RM5,000

**SEREMBAN 18 Okt.** - Akhbar *Utusan Malaysia* terbitan Kumpulan Utusan sekali lagi akan bergabung tenaga bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam menganjurkan Pesta Konvokesyen USIM Ke-13 di pekarangan Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM, Nilai dekat sini.

Penolong Pengurus Unit Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Berhad, Hazura Ahmad Halil berkata, akhbar *Utusan Malaysia* berperanan sebagai media rasmi penganjuran pesta konvokesyen itu yang akan berlangsung dari 6 hingga 9 November ini.

Beliau berkata, pelbagai aktiviti menarik akan diadakan sepanjang pesta yang berlangsung selama empat hari itu seperti studio penghias wajah, jualan akhbar dan majalah, pertandingan mewarna serta banyak lagi aktiviti menarik yang bakal menarik orang ramai untuk berkunjung ke tapak pesta.

Menurutnya, pertandingan memancing adalah salah satu tarikan

yang pasti memeriahkan pesta itu, sekali gus menjadi aktiviti riadah santai untuk seisi keluarga di hujung minggu.

"Pertandingan memancing akan berlangsung pada 8 November ini pukul 8 pagi bertempat di Tasik USIM dengan bayaran penyertaan sebanyak RM30 bagi satu joran, manakala 200 peserta terawal akan menerima kemeja T daripada penganjur.

"Hadiah yang ditawarkan bagi pemenang pertama adalah wang tunai RM5,000, sementara tempat kedua akan menerima wang tunai RM2,000," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambahnya, pemenang tempat ketiga bakal menerima wang tunai berjumlah RM1,500 dan tempat keempat RM1,000 diikuti RM50 bagi tempat kelima hingga ke-10, manakala 10 pemenang saguhati akan menerima hamper.

Bukan itu sahaja, katanya, sebanyak 30 cabutan bertuah juga disediakan khas buat peserta den-

gan hadiah hamper dan barangan elektrik.

"Semua penyertaan bagi setiap aktiviti layak mendapat kupon cabutan bertuah," ujarnya.

Hazura berkata, peserta hanya perlu menunjukkan bukti bayaran penyertaan dan kupon cabutan bertuah boleh ditebus di kaunter urusetia Kumpulan Utusan.

Menurutnya, hadiah yang bakal dimenangi oleh peserta dan pengunjung yang bertuah adalah produk eksklusif Kumpulan Utusan dan barangan elektrik.

"Semuanya ada di sana yang menjanjikan kemeriahan dan kepelbagaian acara untuk pengunjung sepanjang pesta. Jadi pastikan janji temu anda bersama keluarga untuk berkunjung ke Pesta Konvo USIM pada 6 hingga 9 November ini," katanya.

Sebarang pertanyaan mengenai aktiviti dan pertandingan boleh dibuat dengan menghubungi talian 013-2667011, 013-3052811, 017-3727420 dan 014-3343172.



**PERTANDINGAN** memancing Pesta Konvokesyen USIM masih menjadi tradisi yang akan diteruskan sempena konvokesyen Ke-13 di Nilai, Negeri Sembilan, tahun ini.